

Produktiviti buruh merosot 1.1 peratus suku kedua 2023

PETALING JAYA - Produktiviti buruh Malaysia, yang dinyatakan sebagai nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan pertumbuhan negatif 1.1 peratus dengan jumlah jam bekerja meningkat empat peratus kepada 9.3 bilion jam pada suku tahun kedua (ST2) 2023, menurut Statistik Produktiviti Buruh yang diterbitkan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, ekonomi Malaysia berkembang sederhana sebanyak 2.9 peratus, menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan berbanding kadar pertumbuhan suku sebelumnya sebanyak 5.6 peratus.

Pada masa sama, bilangan pekerjaan meningkat kepada 16.1 juta orang atau pertumbuhan 2.8 peratus tahun ke tahun (ST1 2023: 16.1 juta orang; pertumbuhan 3.1 peratus).

“Dari segi nilai, produktiviti buruh per jam bekerja pada ST2 2023 ialah RM40.60 per jam (ST1 2023: RM41.20).

“Sementara produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah bagi setiap pekerja



MOHD. UZIR

menunjukkan peningkatan marginal sebanyak 0.02 peratus untuk merekodkan nilai sebanyak RM23,407 (ST1 2023: 2.4 peratus; RM23,718 per pekerja),” katanya dalam satu kenyataan.

Untuk prestasi mengikut sektor bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja, dua sektor mencatatkan peningkatan didahului oleh sektor pembinaan pada 3.5 peratus dan diikuti oleh sektor perkhidmatan pada 0.1 peratus.

Tiga sektor mencatatkan penurunan iaitu perlombongan pengkuarian, pembuatan dan pertanian.